0413

R 0437 BAH

MAHATHIR - PENTADBIRAN RRR

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

PETALING JAYA, 18 DIS (BERNAMA) -- PENGLIBATAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM PARTI-PARTI POLITIK TIDAK DIGALAKKAN KERANA TUGAS MEREKA ADALAH UNTUK MELAKSANAKAN DASAR DAN RANCANGAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN PILIHAN RAKYAT, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR.

BAGAIMANPUN, KATANYA, SEBAGAI RAKYAT, MEREKA BERHAK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PEMILIHAN KERAJAAN.

+TETAPI OLEH KERANA PERGOLAKAN POLITIK DI NEGARA SEKARANG INI, ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PARA INTELEK TIDAK DAPAT MEMEJAM MATA ATAU MENGASINGKAN DIRI DARIPADA APA YANG SEDANG BERLAKU,+ KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK DI HOTEL SUBANG MERLIN DEKAT SINI MALAM INI.

MENURUTNYA, MAKLUMAT TELAH SENGAJA DISEBARKAN MELALUI RISALAH ATAU KABAR ANGIN KEPADA ANGGOTA PENTADBIRAN DENGAN TUJUAN UNTUK MENGALIH KESETIAAN MEREKA DARIPADA KERAJAAN YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN.

+HARAPAN PIHAK TERTENTU IALAH UNTUK MENJEJAS KEKESANAN KERAJAAN,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN, SEBALIKNYA, TIDAK DAPAT MENERANGKAN DAN MENJELASKAN KEDUDUKAN YANG SEBENAR MENGENAI TOHMAHAN-TOHMAHAN DAN FITNAH YANG DILEMPARKAN, KERANA ITU BERTENTANGAN DENGAN DASAR TIDAK MELIBATKAN ANGGOTA PENTADBIRAN DALAM POLITIK PARTI (REPEAT POLITIK PARTI). -- LAGI

2037MST 18 12 88

R 8438 BAH

MAHATHIR - PENTADBIRAN 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

+ADA TANDA-TANDA BAHAWA PIHAK TERTENTU YANG SAYA MAKSUDKAN ITU SUDAH BERJAYA SEHINGGA DALAM SATU PILIHAN RAYA, ADA ANGGOTA PENTADBIRAN DAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG SECARA TERBUKA MENGAMBIL BAHAGIAN SEBAGAI PENYOKONG AKTIF PENENTANG KERAJAAN.+

MEREKA MENGGUNAKAN KENDERAAN DAN KEMUDAHAN KERAJAAN UNTUK KEGIATAN ITU, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADA JUGA DI SEBUAH NEGERI DI MANA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN TIDAK MAHU MENGIKUT ARAHAN KERAJAAN.

+ADA ORANG YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS YANG TERHAD BERANI MENCABAR DAN MENGHALANG KEPUTUSAN KERAJAAN SECARA TERBUKA.+

BELIAU BERKATA PENGLIBATAN ANGGOTA PENTADBIRAN DALAM KEGIATAN MENENTANG KERAJAAN AMAT TIDAK SIHAT DAN IA AKAN MENYEBABKAN PEMERINTAH MENJADI KUCAR KACIR DAN MUNGKIN MEMBAWA KEPADA KEADAAN ANARKI.

+KEADAAN DI MANA SIAPA YANG MEMERINTAH DAN SIAPA YANG BERKUASA TIDAK DAPAT DITENTUKAN, AKAN MENYEBABKAN HURU HARA BERLAKU DAN TINDAKAN YANG KERAS MUNGKIN DIAMBIL OLEH PIHAK YANG BERKUASA - DENGAN ITU JUGA DEMOKRASI AKAN HAPUS,+ TEGASNYA. --LAGI

2101MST 18 12 88

R 8439 BAH

MAHATHIR - PENTADBIRAN 3 PETALING JAYA (EMBARGO)

BELIAU BERKATA KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBELA SISTEM DAN AMALAN YANG SUDAH MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA ORANG DAN OLEH ITU, TAMBAHNYA +ELOKLAH KITA SEMUA BALIK KEPADA SISTEM DAN AMALAN INI DEMI KEBAIKAN KITA SEMUA DAN JUGA NEGARA KITA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN MEMUJI PERKHIDMATAN AWAM YANG TELAH MENCAPAI KEMAJUAN DAN KECEKAPAN PADA TAHAP YANG MEMBANGGAKAN.

BAGAIMANA PUN KEMAJUAN DUNIA DAN CABARAN MASA DEPAN MALAYSIA BERKEHENDAKKAN KECEKAPAN DAN DEDIKASI PENTADBIRAN NEGARA DIPERKUKUH DAN DITINGKATKAN SUPAYA MENJADI CONTOH DAN TELADAN KEPADA PIHAK LAIN.

+DENGAN INI JUGA MAKA NEGARA MALAYSIA DAPAT MARA KE ARAH MASA HADAPAN YANG LEBIH CEMERLANG DAN BERDAYAMAJU, MAMPU MENGATASI MASALAH DAN MAMPU MEREBUT SEMUA PELUANG UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA SERTA RAKYATNYA,+ KATA BELIAU.

SAMBIL MENGUCAPKAN +SYABAS+ KEPADA SELURUH PERKHIDMATAN AWAM, BELIAU BERKATA KERJASAMA DAN KEFAHAMAN MEREKA MENTADBIR DAN MEMBANGUNKAN NEGARA AMATLAH DIHARGAI OLEH NEGARA DAN RAKYAT.

PTD YANG MENGEPALAI PERKHIDMATANAN AWAM BUKAN SAHAJA TELAH BERJAYA MENGEKALKAN PRESTASI JENTERA PENTADBIRAN YANG DIWARISI DARI BRITAIN TETAPI MAMPU MENGEMAKINIKANNYA SESUAI DENGAN PERANAN LEBIH LUAS KERAJAAN DALAM KEHIDUPAN RAKYAT RAKYAT SELEPAS MERDEKA. --

BERNAMA